

# FAKIH SIDIN

## Tokoh As-sunnah Yang Disegani

Oleh : **Shukor Mat**



Kelantangan dan kepetahannya bercakap menyebabkan beliau dikenali dan disegani oleh tokoh-tokoh agama dan ahli politik Perlis. Kejayaannya sebagai ulama yang tegas dan mempunyai ramai anak murid kerana ketekunan dan keikhlasannya mengerjakan amal ibadat untuk Yang Maha Esa. Itulah dia Fikh Sidin salah seorang tokoh As-Sunnah di Perlis.

Beliau berasal dari Padang, Sumatera kemudian berhijrah ke Tanjung Pinang, Singapura dalam tahun 1932. Selepas itu beliau berhijrah ke Kampung Buluh Kasap, Alor Gajah, Melaka. Kedatangannya ke Perlis kerana diajak oleh Pak Endut yang berasal dari Patani untuk mencari Pekerjaan baru. Mulanya Fakhri Sidin tinggal di rumah Lebai Ismail di Kota Keran (berhampiran Pengkalan Assam) selama seminggu. Kemudian beliau menginap di rumah Tok Imam Masjid Behor Temak (Haji Abdul Karim bin Fakeh), lalu ke rumah Lebai Omar bin Fakeh (Imam Muda Masjid Behor Temak) dan tinggal di rumah tersebut. Sebelum menjadi guru agama beliau bekerja sebagai tukang jahit, di samping bekerja sebagai jaga sambilan (security guard).<sup>1</sup>

Perkahwinan beliau dengan isterinya dari Indonesia telah dikurniakan dua orang cahaya mata, iaitu seorang anak perempuan bernama Sofiah daripada isteri pertamanya, manakala dengan isteri keduanya juga dikurniakan anak perempuan bernama Rokayah.<sup>2</sup>

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh anaknya Moh. Nazman, perpindahan beliau dari Alor Gajah, Melaka ke Perlis kerana melarikan diri daripada British yang hendak menangkapnya. Fakhri Sidin disyaki British memasuki pertubuhan politik menentanginya bernama Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang diketuai oleh Ibrahim Yaacob, Ishak Hj. Muhammad dan Ahmad Boestamam. Hasil perkongsian hidupnya dengan orang Melaka (Hindon) dikurniakan tujuh orang anak, tiga lelaki dan empat perempuan. Mereka ialah anak sulungnya Maisarah, Lockman, Kamsiah, Abu Hassan, Hashimah, Moh. Nazman dan Rasunah.<sup>3</sup>

Anak-anak Fakhri Sidin hampir semuanya bersekolah Inggeris. Mereka diajar Al-Quran dan ilmu agama oleh beliau sendiri. Berkat usaha dan pendidikan yang diberikan itu telah menjadikan anak-anaknya insan yang berjaya, umpamanya Lockman bertugas sebagai Pengarah Unit Ekonomi Jabatan Perhutanan Malaysia, Abu Hassan bertugas sebagai pegawai Kewangan di Malayan Banking, Moh. Nazman menjadi pegawai Perunding Ukur dan kontraktor yang berjaya.<sup>4</sup>

Fakhri Sidin belajar di Danau meninjau dan kemudiannya ingin melanjutkan pelajaran ke Tanah Suci Makkah, tetapi cita-citanya terhalang akibat krisis keluarga. Akhirnya beliau berhijrah ke Tanah Melayu<sup>5</sup>. Kebolehan beliau dalam ilmu As-Sunnah dan ilmu Al-Quan beserta ilmu hadith menyebabkan beliau diambil oleh Pak Wan Ahmad (wakil rakyat kawasan paya pada masa itu) dan Pak Sheikh Ahmad (Menteri Besar Perlis pada masa itu) untuk mengajar ilmu As-Sunnah di merata tempat di Perlis. Kehebatan beliau berpidato dan kelantangan suaranya menyebabkan Parti UMNO mengambilnya berkempen melawan Parti PAS menjelang Pilihanraya Umum 1955 dengan bayaran sepuluh ringgit sekali kempen.<sup>6</sup>

Di antara tugas Fakhri Sidin semasa hayatnya ialah sebagai guru takmir, guru agama untuk kaum ibu UMNO di Masjid Alwi dan mengajar agama dirumahannya di Paya untuk kaum ibu pada setiap pagi Jumaat. Beliau pernah ditawarkan menjadi guru agama di Sekolah Arab Alwiyah Arau tetapi ditolak kerana tidak cukup masa.<sup>7</sup>

Selepas sebulan mengajar di Pengkalan Assam, Fakhri Sidin dibawa oleh Pak Wan Ahmad ke Paya. Di Paya beliau menyampaikan ajaran agama secara As-Sunnah dengan berpandukan kitab Al-Fatwa Karangan A. Hassan Bandung. Beliau juga mempunyai kitab-kitab lain seperti Kitab Al-Umm (dalam bahasa Arab). Beliau boleh membaca Kitab Al-Umm yang pada masa itu cuma ada dalam bahasa Arab sahaja. Fakhri Sidin juga berguru kepada Syekh Noor di Mata Air untuk merujuk pelajaran As-Sunnah yang diragunya.<sup>8</sup>

Pelajaran yang diajar ialah Feqah, Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah seperti cara-cara nabi s.a.w. bersolat. Zikir yang diajar selepas sembahyang ialah zikir yang tidak ada tokok tambah iaitu semuanya berdasarkan kepada hadith nabi s.a.w. contohnya Subhanallah, Walhamdulillah, Wallailahailallah Wallahuakbar. Segala jenis amalan syirik dan khurafat ditangkis

<sup>1</sup> Shukor Mat, *As-Sunnah di Perlis*, Media One Publication, Kangar, 2001, hal.25.

<sup>2</sup> Temubual dengan En. Moh. Nazman bin Mohsidin (Fakhri Sidin), Umur 58 tahun, Kg.Titi Besi, Arau, Perlis. Beliau ialah anak Fakhri Sidin hasil perkahwinannya dengan orang Melaka. Temubual pada 13.3.2011.

<sup>3</sup> Temubual dengan En. Moh. Nazman Fakhri Sidin

<sup>4</sup> Temubual dengan En. Moh. Nazman Fakhri Sidin pada 15.3.2011

<sup>5</sup> Temubual dengan En. Moh. Nazman Fakhri Sidin pada 15.3.2011

<sup>6</sup> Shukor Mat, *Ibid.*, hal.25.

<sup>7</sup> Temubual dengan En. Moh. Nazman Fakhri Sidin

<sup>8</sup> Shukor Mat, *Ibid.*, hal.25.

oleh beliau secara berjenaka supaya orang tidak marah.<sup>9</sup> Kebiasaannya Fakih Sidin mengajar pada malam Jumaat di Surau Padang Pauh (Jalan Pak Yob Apong) iaitu di Paya. Tidak ada masalah besar di dalam pengajaran beliau mengenai tajuk syirik dan khurafat di sini kerana pengajaran secara As-Sunnah telah dirintis oleh Syeikh Hassan dan Tok Haji Derani.<sup>10</sup>

Fakih Sidin mempunyai ramai murid di Paya, di antaranya ialah Tok Abas Mat, Ahmad Hj. Shamsuri, Haji Ishak, Osman Hj. Salleh, Ariffin Muslim, Ustaz Kassim (Imam Padang Melangit) dan Cikgu Ahmad Ishak (Bekas Guru Besar Sekolah Kebangsaan Arau). Jumlah murid-muridnya lebih kurang 200 orang.<sup>11</sup>

Menurut En. Mohd. Mahtar bin Mahmud (salah seorang murid Fakih Sidin), Fakih Sidin juga menjadi Imam Masjid Lama Padang Lati dalam tahun 1960an. Pengajaran yang disampaikan amat berkesan kerana jelas dan tegas, jika dikatakan sesuatu perkara itu tidak boleh maka tidak bolehlah kerana semuanya ada dalil daripada Al-Quran dan Hadith. Orang ramai tertarik kepada pengajarannya kerana beliau pandai bercerita. Beliau dihormati oleh masyarakat sekeliling sebagai ulama dan digelar Tok Fakeh yang bermaksud orang alim yang pandai dalam agama Islam. Segala amalan anak muridnya dihalusi, contohnya kelakuan duduk tahayat dan duduk ketika mendengar khutbah. Jika ada orang bercakap semasa beliau berkhutbah beliau akan turun ke bawah dan memberi amaran. "Hai budak, ingat makan kenduri ke, ini khutbah, pandang sini".<sup>12</sup>

Beliau berkhutbah bukan membaca khutbah kerana tidak ada buku ditangannya. Beliau telah membuat persediaan di rumah sebelum datang berkhutbah di masjid Padang Lati. Beliau juga selalu berpesan dengan katanya : "Orang munafik macam biawak pasir yang masuk lubang ini dan keluar melalui lubang satu lagi. Kita jangan jadi macam itu".<sup>13</sup>

Fakih Sidin merupakan contoh guru yang berwibawa kerana segala susah dan senangnya ditanggung sendiri tanpa meminta pertolongan kepada anak muridnya. Umpamanya pada musim menuai padi, beliau tidak memberitahu kepada muridnya hari-hari yang tidak dapat mengajar kerana mengambil padi. Sekiranya diberitahu tentulah ramai anak muridnya yang akan datang menolong. Sungguhpun demikian ada juga dua tiga orang daripada muridnya yang mengetahui sebab beliau tidak datang mengajar kerana mengambil padi, lalu cepat-cepat mereka datang membantu Tok Fakeh mengambil padi.<sup>14</sup>

Penyampaian beliau semasa mengajar agama tegas dan meyakinkan sepertimana penyampaian Tuan Guru Syeikh Noor di Mata Air. Cakap dan gayanya seperti presiden Sukarno. Semasa Fakih Sidin mengajar agama di Padang Pauh atau Paya, Syeikh Abu Bakar Ashaari juga mengajar di Behor Cicar.<sup>15</sup>

Kawan rapat Fakih Sidin ialah Tok Abas dan Osman Haji Salleh. Tempat amanahnya ialah Osman Haji Salleh iaitu untuk amanah nikah-kahwin, kenduri-kendara dan mencari ubat-kelat. Orang ramai menyanjung ilmunya, manakala kebolehan beliau mengajar dipuji oleh orang-orang Paya. Beliau juga mengajar di Sekolah Arab di hadapan Masjid Paya yang dibina oleh Tok Haji Ak (Ishak).<sup>16</sup>

Tanda menunjukkan beliau dimuliakan orang bolehlah dilihat kepada rumahnya yang dibina secara gotong-royong. Orang-orang Abi menolongnya mengerat kayu dan membuat rumah. Manakala tanah pinggirnya di Tasoh diusahakan secara sukarela oleh orang ramai seperti Pak Jab Padang Lati, Pak Sari dan ramai lagi. Kebolehan beliau menangkap orang gila di Kampung Paya yang bernama M. Noor dengan kaedah silat juga menghairankan orang-orang Paya.<sup>17</sup>

Fakih Sidin telah kembali ke rahmatullah pada bulan Februari 1973, kini kediamannya didiami oleh anaknya Abu Hassan. Tanah ini letaknya di belakang Masjid Paya iaitu tanah yang dibeli sendiri oleh Tok Fakeh semasa hayatnya.<sup>18</sup> Masa berlalu begitu cepat, bagaikan kerjipan mata, ramai di kalangan orang ramai terutama sekali anak muridnya tetap terbayang di hadapan mata mereka mengenai tingkah-laku Tok Fakeh yang pergi mengajar agama menaiki basikal sport dengan bukunya diletakkan di pelantar basikalnya.<sup>19</sup>

<sup>9</sup> Shukur Mat, *Ibid.*, hal.25.

<sup>10</sup> Shukur Mat, *Ibid.*, hal.25-26.

<sup>11</sup> Shukur Mat, *Ibid.*, hal.26.

<sup>12</sup> Temubual dengan En. Mohd. Mahtar bin Mahmud, 60th., Kg. Behor Mempelam, Arau, Perlis. Pesara MADA yang berasal dari Kg. Padang Lati, Perlis.

<sup>13</sup> Temubual dengan En. Mohd. Mahtar bin Mahmud.

<sup>14</sup> Cikgu Ahmad Ishak, Kg. Behor Inai, Paya, temubual pada 29.12.90

<sup>15</sup> Cikgu Ahmad Ishak, temubual.

<sup>16</sup> Osman Hj. Salleh, Kg. Padang Pauh, temubual pada 29.12.90

<sup>17</sup> Cikgu Ahmad Ishak, temubual pada 29.12.90

<sup>18</sup> Temubual dengan En. Moh. Nazman Fakih Sidin.

<sup>19</sup> Cikgu Ahmad Ishak, temubual.

#### Rujukan:

1. Shukur Mat, *As-sunnah di Perlis*, Kangar : Media One Publication, 2001.
2. William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, K. Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2003.

#### Temubual:

1. En. Moh Nazman bin Mohsidin, *Temubual oleh Shukur Mat*. Perlis : Kg Titi Besi, [n.d.]
2. En. Mohd. Mahtar bin Mahmud, *Temubual oleh Shukur Mat*. Perlis : Kg. Behor Mempelam, Arau. [n.d]
3. Cikgu Ahmad Ishak, *Temubual oleh Shukur Mat*. Perlis : Kg. Behor Inai, Paya. [n.d]
4. En. Osman Haji Salleh, *Temubual oleh Shukur Mat*. Perlis : Kg. Padang Pauh, Paya. [n.d]